




| | | | |
|--|--|------------------------------------|-----------------------|
|  UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> | KRITERIA SKIM PENYELIDIK PELAWAT MUDA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA CRITERIA FOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JUNIOR VISITING RESEARCHER | Kelulusan /Approval : JKPGP | |
| | Tarikh: <i>Date</i> | | 18 / 12 / 2023 |
| | Muka Surat/ Page : 1/5 | | |


| BIL. NO. | PERKARA ITEMS | KETERANGAN DETAILS |
|----------|--|---|
| 1. | PENGENALAN INTRODUCTION | 1. Skim ini diwujudkan adalah untuk melantik <i>Junior Visiting Researcher</i> di bawah Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTM. 2. Pemilihan calon dan lantikan adalah berdasarkan keputusan panel penilai sewaktu mesyuarat pemilihan dan penilaian dibuat. Tawaran lantikan juga adalah berdasarkan jumlah peruntukan semasa yang diperolehi Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). 1. <i>This scheme is to appoint a Junior Visiting Researcher under the Deputy Vice-Chancellor (Research & Innovation) UTM.</i> 2. <i>The selection of candidates and appointment is based on the decision of the evaluation panel during the selection and evaluation meeting. The appointment offer is also based on the amount of current allocation obtained by the Deputy Vice-Chancellor's Department (Research & Innovation).</i> |
| 2. | OBJEKTIF OBJECTIVES | Calon yang dilantik menjadi <i>Junior Visiting Researcher</i> dengan tujuan melaksanakan penyelidikan dan juga penulisan bersama staf akademik UTM. <i>Candidate appointed as Junior Visiting Researcher with the aim of carrying out research and writing together with UTM academic staff.</i> |
| 3. | KRITERIA CRITERIA | 1. Pelajar PhD yang belum bergraduan dan sedang menunggu VIVA atau surat senat. 2. Terbuka kepada semua calon dari dalam dan luar negara. 3. Calon perlu menghantar dokumen permohonan lengkap sebelum tarikh tamat permohonan yang telah diiklankan. Dokumen yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan oleh pihak Jabatan TNC (Penyelidikan & Inovasi). 4. Dokumen yang perlu disediakan dengan lengkap adalah seperti berikut: i. Borang permohonan <i>Junior Visiting Researcher (JVR)</i> yang telah dilengkapkan; ii. Curriculum Vitae terkini calon; iii. Gambar bersaiz passport terkini; iv. Salinan Kad Pengenalan / Passport / Visa yang disahkan dan tidak tamat tempoh; v. Salinan Sijil Akademik (Diploma/ Ijazah Sarjana/ Sarjana) yang telah disahkan; vi. Surat pengesahan status pelajar dari fakulti; vii. Salinan buku akaun bank / maklumat akaun bank yang disahkan. viii. Cadangan penyelidikan (Appendix A); ix. Senarai Penerbitan (Appendix B) 5. Mesti memiliki pengalaman dalam menjalankan kajian dan menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel dalam jurnal terindeks WOS sebagai <i>First Author</i> dalam tempoh satu (1) tahun terkini (status jurnal yang diambil kira hanya <i>In Press / Published</i> sahaja). 1. <i>PHD student in graduating process and waiting for VIVA or Senate Letter.</i> 2. <i>Open to all local and international candidates.</i> 3. <i>Candidates must send complete application documents before the advertised application deadline. Incomplete documents will not be considered by the Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation) Department.</i> 4. <i>The documents that need to be provided in full are as follows:</i> i. <i>Complete JUNIOR VISITING RESEARCHER (JVR) Application Form</i> ii. <i>Latest Curriculum Vitae (CV)</i> iii. <i>Latest Passport Size Photo</i> iv. <i>Certified Copy of MyKad (for Local Candidates) / Passport & Visa (for International Candidates)</i> v. <i>Certified Copies of Academic Certificates (Diploma/Degree/Masters)</i> vi. <i>Student Status Letter from Faculty</i> vii. <i>Copy of Bank Account Information</i> viii. <i>Research Proposal (Appendix A)</i> ix. <i>List of Publications (Accepted/Published publications only) (Appendix B)</i> 5. <i>Must have experience in conducting research and produced at least one (1) paper in indexed WOS journal as First Author in the last one (1) year (issue status to be considered are In press /Published only).</i> |

| | | | |
|--|--|------------------------------------|-----------------------|
|  UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small> | KRITERIA SKIM PENYELIDIK PELAWAT MUDA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA CRITERIA FOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JUNIOR VISITING RESEARCHER | Kelulusan /Approval : JKPGP | |
| | | Tarikh: | 18 / 12 / 2023 |
| | | Muka Surat/ Page : 2/5 | |
| BIL. NO. | PERKARA ITEMS | KETERANGAN DETAILS | |


| BIL. NO. | PERKARA ITEMS | KETERANGAN DETAILS | |
|----------|---|--|--|
| | TEMPOH MASA LANTIKAN <i>APPOINTMENT DURATION</i> | 1. Boleh dilantik pada bila-bila masa sahaja berdasarkan kepada baki peruntukan dan kelulusan JKPD. 2. Tempoh lantikan JVR adalah minimum 3 bulan dan maksimum 6 bulan 3. Calon antarabangsa hanya boleh dilantik selama visa mereka masih sah atau maksimum 6 bulan. 4. Pelanjutan tempoh lantikan adalah tertakluk kepada keputusan universiti dan berdasarkan prestasi calon sepanjang pelantikan. 5. Pelantikan semula calon ke dalam skim yang sama adalah berdasarkan baki peruntukan dan kelulusan. | 1. <i>Can be appointed at any time based on the remaining allocation and JKPD approval.</i> 2. <i>The appointment period of JVR is a minimum of 3 months and a maximum of 6 months.</i> 3. <i>International candidates can only be appointed as long as their visa is still valid or a maximum of 6 months</i> 4. <i>Extension of the appointment period is subject to the decision of the university and is based on the candidate's performance throughout the appointment.</i> 5. <i>Re-appointment of candidates into the same scheme is based on remaining allocation and approval.</i> |
| 5. | PENAMATAN PERKHIDMATAN <i>SERVICE TERMINATION</i> | 1. Calon yang didapati mempunyai kesalahan lampau dan diperakukan oleh Unit Integriti UTM / melanggar terma pelantikan dalam kontrak pelantikan / melanggar peraturan Universiti akan ditamatkan perkhidmatan serta merta. 2. Calon yang ditamatkan perkhidmatan tidak akan dipertimbangkan semula untuk permohonan pelantikan akan datang. | 1. <i>Candidates found to have committed past misconduct and confirmed by the UTM Integrity Unit or who violate the terms of the appointment contract or university regulations will have their service terminated immediately.</i> 2. <i>Candidates whose service has been terminated will not be considered for future appointment applications.</i> |
| 6. | NOTIS BERHENTI KERJA <i>NOTICE OF TERMINATION</i> | 1 bulan menerusi notis secara bertulis. | <i>A one-month notice in writing is required for job termination.</i> |
| 7. | PENEMPATAN CALON <i>CANDIDATE PLACEMENT</i> | Calon diwajibkan untuk berada di UTM sepanjang tempoh pelantikan. | <i>Candidates are required to be in UTM for the whole appointment duration.</i> |
| 8. | SYARAT KELAYAKAN PENYELIA <i>SUPERVISOR QUALIFICATIONS</i> | 1. Staf akademik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang aktif. 2. Merupakan ahli Pusat Kecemerlangan (CoE) or Kumpulan Penyelidik (RG). 3. Penyelia merupakan penyelia utama atau penyelia bersama kepada calon. | 1. <i>University of Technology Malaysia (UTM) active academic staf.</i> 2. <i>A member of the Center of Excellence (CoE) or Research Group (RG).</i> 3. <i>Supervisor is the Main or co-supervisor to the candidate.</i> |
| 9. | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) <i>KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)</i> | 1. Penulisan penerbitan 1 Journal Q1/Q2 (WOS) sebagai penulis utama untuk lantikan 6 bulan, 1 Journal Q1-Q4 (WOS) untuk lantikan 3 bulan. Penyelia mestilah menjadi <i>First Corresponding Author</i> bagi setiap penerbitan. 2. Penglibatan dalam aktiviti perkongsian ilmu / seminar / penulisan penerbitan / persediaan proposal geran bersama penyelia. | 1. <i>Publication writing of 1 Journal Q1/Q2 (WOS) as Main Author for a 6-month appointment, 1 Journal Q1-Q4 (WOS) for a 3-month appointment. Supervisor must be the First Corresponding Author for every publication.</i> 2. <i>Involve in activities together with supervisor, such as sharing session, seminars, publication writing, grant proposal preparation.</i> |

| | | | | |
|---|--|--|------------------------------------|-----------------------|
|  UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA | KRITERIA SKIM PENYELIDIK PELAWAT MUDA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA CRITERIA FOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JUNIOR VISITING RESEARCHER | | Kelulusan /Approval : JKPGP | |
| | | | Tarikh: <i>Date</i> | 18 / 12 / 2023 |
| | | | Muka Surat/ Page : 3/5 | |


| BIL. NO. | PERKARA ITEMS | KETERANGAN DETAILS |
|----------|---|---|
| 10. | KAEDAH PELANTIKAN <i>APPOINTMENT METHOD</i> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan dibuka setiap bulan. 2. Permohonan hanya diterima daripada pihak penyelia dan pencalonan persendirian tidak akan dipertimbangkan. 3. Permohonan perlu mendapatkan sokongan dari Pengarah/ Ketua Kumpulan Penyelidikan (RG) / Pusat Kecemerlangan (CoE). 4. Semua pencalonan perlu dimajukan ke pihak Bahagian Governan, RMC selewat-lewatnya pada 10 hari bulan pada setiap bulan untuk kelulusan selanjutnya. 5. Semua permohonan akan disemak dan dinilai oleh urusetia dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP), Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). 6. Keputusan panel JKPGP adalah muktamad dan tiada rayuan dibenarkan. 7. Surat tawaran perlu dijawab terima dan perjanjian perlu ditanda tangani oleh calon dalam tempoh tujuh (7) hari atau ianya akan terbatal secara automatik. <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Applications are open every month.</i> 2. <i>Applications will only be accepted from supervisors, and self-nominations will not be considered.</i> 3. <i>Applications must receive support from the Director/ Head of Research Group (RG)/ Center of Excellence (CoE).</i> 4. <i>All nominations must be submitted to the Governance Division, RMC no later than on 10th of every month for further approval.</i> 5. <i>All applications will be reviewed and assessed by the secretariat and the Meeting of the 'Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP)', Department of Deputy Vice-Chancellor's (Research & Innovation).</i> 6. <i>The decision of the JKPGP panel is final, and no appeals are allowed.</i> 7. <i>The offer letter must be accepted, and the agreement must be signed by the candidate within seven (7) days, or it will be automatically canceled.</i> |
| 11. | KAEDAH PENDAFTARAN REKOD PELANTIKAN <i>APPOINTMENT RECORD REGISTRATION METHOD</i> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pendaftaran maklumat akan direkodkan di Sistem RADIS. 2. RMC akan menyimpan rekod lantikan. <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Registration information will be recorded in the RADIS System.</i> 2. <i>RMC will keep the appointment records.</i> |
| 12. | KAEDAH PEMANTAUAN <i>MONITORING METHOD</i> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Satu laporan perkembangan projek perlu disediakan setiap bulan. 2. Pihak JTNCPI boleh memohon supaya calon dan penyelia untuk memberikan pembentangan berkaitan aktiviti jika berkeperluan. 3. Laporan pemantauan aktiviti akan digunakan untuk menilai pencapaian geran. <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>A project progress report must be prepared every month.</i> 2. <i>JTNCPI may request candidates and supervisors to provide presentations related to activities if necessary.</i> 3. <i>Activity monitoring reports will be used to assess grant achievements.</i> |
| 13. | KEWANGAN DAN KAEDAH PEMBAYARAN <i>FINANCIAL AND PAYMENT METHOD</i> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Peruntukan Dana Universiti Penyelidikan (Dana RU) 2. Kaedah pembayaran bagi lantikan JVR adalah dengan kaedah honorarium sebanyak RM 3,500.00 setiap bulan. 3. Semua pembayaran honorarium dan tuntutan adalah dalam Ringgit Malaysia (MYR/RM) sahaja. 4. Calon tidak layak untuk menuntut bayaran balik penginapan hotel dan tiket kapal terbang ini sekiranya tidak berada di Malaysia. 5. Tiada elaun diberikan. <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Research University Fund</i> 2. <i>The payment method for the appointment of JVR is by the honorarium of RM 3,500.00 per month.</i> 3. <i>All honorarium payment and claim will be process in Ringgit Malaysia (MYR/RM).</i> 4. <i>Calon tidak layak untuk menuntut bayaran balik penginapan hotel dan tiket kapal terbang ini sekiranya tidak berada di Malaysia.</i> 5. <i>No allowance is given.</i> |
| 14. | CUTI LEAVE | Tiada. <i>None</i> |

| | | | |
|---|--|------------------------------------|-----------------------|
|  UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA | KRITERIA SKIM PENYELIDIK PELAWAT MUDA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA CRITERIA FOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JUNIOR VISITING RESEARCHER | Kelulusan /Approval : JKPGP | |
| | | Tarikh: <i>Date</i> | 18 / 12 / 2023 |
| | | Muka Surat/ Page : 4/5 | |

| BIL. NO. | PERKARA ITEMS | KETERANGAN DETAILS |
|----------|--|---|
| 15. | RAWATAN PERUBATAN <i>MEDICAL TREATMENT</i> | Tiada kemudahan rawatan perubatan disediakan namun calon boleh menggunakan kemudahan tuntutan rawatan perubatan pelajar UTM di Pusat Kesihatan UTM (sekiranya merupakan pelajar UTM). <i>No medical treatment facilities are provided, candidates can utilize UTM student medical treatment claim facilities provided by UTM Health Centre (only for UTM student).</i> |
| 16. | VISA PEKERJA <i>EMPLOYMENT VISA</i> | 1. Urusan pendaftaran visa dilaksanakan dan di bawah tanggungan calon sendiri. 2. Kos permohonan Visa dan tidak boleh dituntut kepada Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). 3. Calon dan penyelia boleh berhubung dengan UTM International untuk urusan visa. <i>1. Visa registration affairs are carried out and under candidate responsibility alone. 2. Visa registration cost are not covered by Department of Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation). 3. Candidate and supervisor can directly contact UTM International for visa affairs.</i> |
| 17. | PENGISYTIHARAN PENDAPATAN CUKAI <i>INCOME TAX DECLARATION</i> | 1. Calon adalah bertanggungjawab membayar cukai pendapatan ke atas honorarium dan emolumen yang diperolehi sepanjang tempoh kontrak pelantikan. 2. Caj cukai pendapatan adalah 30% berdasarkan ketetapan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri - bukan kategori pemastautin (berada di Malaysia kurang dari 182 hari). 3. Pengisytiharan cukai pendapatan merupakan tanggungjawab calon sendiri dan penyelia perlu memastikan proses ini dilaksanakan oleh pihak calon. <i>1. Candidate are responsible to pay Income Tax based on honorarium and emolument during received throughout appointment duration contract. 2. Income Tax charge rate of 30% with effect from year assessment 2020 for non-resident (for less than 182 days in Malaysia in a year). 3. Income tax declarations are candidate personal responsibility and supervisors are responsible to make sure it is carried out by candidate.</i> |
| 18. | PANEL PEMILIHAN SKIM PENYELIDIK PELAWAT MUDA JTNCPI <i>SELECTION COMMITTEE FOR JUNIOR VISITING RESEARCHER SCHEME</i> | 1. Pemilihan hendaklah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP) yang terdiri daripada keahlian seperti berikut: i. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) - Pengerusi ii. Pengerusi <i>Research Alliance</i> iii. Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) iv. Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) v. Timbalan Bendahari JTNCPI vi. Timbalan Pendaftar JTNCPI vii. Wakil Seksyen Strategik, JTNCPI viii. Timbalan Pendaftar Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) ix. Wakil Bahagian Governan, RMC (<i>Urusetia Fellowship</i>) <i>1. The selection process will take place during the Meeting of the 'Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP)', Department of Deputy Vice-Chancellor's (Research & Innovation). The committee comprises the following members:</i> i. <i>Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) - Chairman</i> ii. <i>Chair of the Research Alliance</i> iii. <i>Director of the Research Management Centre (RMC)</i> iv. <i>Deputy Director of the Research Management Centre (RMC)</i> v. <i>JTNCPI Deputy Treasurer</i> vi. <i>JTNCPI Deputy Registrar</i> vii. <i>Strategic Section Representative, JTNCPI</i> viii. <i>RMC Deputy Registrar</i> ix. <i>Governan Division Representative, RMC (Fellowship Secretariat)</i> |
| 19. | URUSETIA <i>SECRETARIAT</i> | Bahagian Governan, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) adalah urusetia skim ini. <i>Governance Division, Research Management Centre (RMC) is the secretariat for this scheme</i> |

| | | | |
|---|--|------------------------------------|-----------------------|
|  | KRITERIA SKIM PENYELIDIK PELAWAT MUDA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA CRITERIA FOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA JUNIOR VISITING RESEARCHER | Kelulusan /Approval : JKPGP | |
| | | Tarikh: <i>Date</i> | 18 / 12 / 2023 |
| | | Muka Surat/ Page : 5/5 | |

CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN SKIM JUNIOR VISITING RESEARCHER (JVR)

| Orang yang Bertanggung-jawab | Aliran Kerja | Proses Kerja | Dokumen Rujukan/Borang /Lampiran |
|------------------------------|--|---|--|
| | | Mula | |
| Pemohon |  | 1. Pemohon perlu muat turun dan mengisi lengkap borang permohonan dari laman web rasmi RMC (https://rmc.utm.my/download-research-funding). | <ul style="list-style-type: none"> Dokumen Permohonan JVR. Borang Senarai Penerbitan. |
| CoE / RG | | 2. Pemohon perlu mendapatkan sokongan daripada pihak Centre of Excellence (CoE) / Research Group (RG) berkaitan. | |
| RA | | 3. Pemohon perlu mendapatkan sokongan daripada pihak Research Alliance (RA) berkaitan. | |
| Pemohon / Penyelia | | 4. Borang permohonan yang telah mendapat sokongan daripada CoE/RG serta RA dihantar ke pihak RMC melalui <i>Google Form</i> , https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSfvRKN3jnsuhmnixMwkfuGI5ztzBBOLzMJN98GvwNUngsMD1g/viewform bersama-sama dokumen-dokumen berkaitan yang telah disahkan. Semua permohonan perlu dimajukan ke pihak Bahagian Governan, RMC selewat-lewatnya minggu kedua pada setiap bulan untuk kelulusan selanjutnya. | <ul style="list-style-type: none"> Borang permohonan yang telah lengkap Curriculum Vitae terkini calon Gambar bersaiz passport terkini Salinan Kad Pengenalan / Passport / Visa Salinan maklumat akaun bank Surat pengesahan status pelajar dari fakulti Research proposal List of publication |
| RMC | | 5. Semua permohonan akan disemak dan dinilai oleh urusetia. Borang permohonan yang tidak lengkap bersama dokumen berkaitan akan dikembalikan. | |
| JKPD | | 6. Semua permohonan akan dinilai oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP), Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). | |
| RMC | | 7. Keputusan panel JKPGP dimaklumkan kepada setiap pemohon dan penyelia. Keputusan panel JKPGP adalah muktamad dan tiada rayuan dibenarkan. | |
| RMC | | 8. Pemohon yang layak akan diberikan maklumat berkaitan penawaran dan proses pendaftaran. | <ul style="list-style-type: none"> Surat tawaran Senarai semak pendaftaran |
| | | Tamat | |